



## **SURAT PEMBERITAHUAN PEJABAT SURUHANJAYA PERKHIDMATAN AWAM NEGARA BRUNEI DARUSSALAM**

### **PENGIKLANAN JAWATAN KOSONG PERATURAN 7(a)**

**Iklan adalah dibukakan kepada orang ramai dan pegawai-pegawai dan kakitangan yang sedang berkhidmat dengan Perkhidmatan Awam Negara Brunei Darussalam**

**PEREKA TINGKAT III (C.1-2 EB.3)  
JABATAN RADIO TELEVISYEN BRUNEI  
JABATAN PERDANA MENTERI  
NEGARA BRUNEI DARUSSALAM**

---

#### **Syarat-Syarat Am:**

- (A) PEMOHON terdiri daripada Rakyat Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam.
- (B) Pemohon mempunyai pengetahuan kersasmian agama Islam, adat istiadat, kebudayaan, perkembangan sosial, ekonomi dan politik Negara Brunei Darussalam.
- (C) Bersedia untuk bertugas bila-bila masa di luar waktu bekerja biasa atau bekerja secara bergilir-gilir (*shift*) atau semasa cuti awam dan juga hendaklah bersedia untuk bertugas di mana-mana daerah di negara ini.
- (D) Bagi pemohon yang terdiri dari Pegawai-Pegawai Kerajaan hendaklah mempunyai tahap penilaian prestasi sekurang-kurangnya **SANGAT BAIK** bagi tempoh tiga (03) tahun kebelakangan.



**PEREKA TINGKAT III**  
**JABATAN RADIO TELEVISYEN BRUNEI**  
**JABATAN PERDANA MENTERI**  
**C.1-2 EB.3 (\$1,280 - \$2,270 SEBULAN)**  
**KEKOSONGAN= DUA (02)**

**KELAYAKAN MINIMUM:**

1. *BDTVEC/BTEC Diploma Kebangsaan Peringkat Biasa (ND) atau sebanding dalam bidang Art and Design / Communication Design / Computer Graphic / Fine Arts / Graphic Design / Information Design Animation / Illustration / Interior Design / Pertukangan Kayu dan Tangan / Seni Grafik / Seni Lukis / Seni Reka / Studio Set Construction / Studio Set Design atau bidang bersesuaian.*

**ATAU**

2. *BDTVEC/BTEC Diploma Kebangsaan Peringkat Biasa (ND) dalam bidang bersesuaian dan mempunyai pengalaman bertugas secara tetap atau sambilan dalam media penyiaran tidak kurang dari 6 bulan.*

**ATAU**

3. *Telah berkhidmat di Jabatan Radio Televisyen Brunei dalam jawatan bersesuaian sekurang-kurangnya dalam tangga gaji D.3 atau sebanding tidak kurang dari 3 tahun atau sekurang-kurangnya dalam tangga gaji D.1 atau sebanding tidak kurang dari 5 tahun.*

**ATAU**

4. *Telah berkhidmat dalam perkhidmatan Kerajaan dalam jawatan bersesuaian sekurang-kurangnya dalam tangga gaji D.3 atau sebanding tidak kurang dari 4 tahun atau sekurang-kurangnya dalam tangga gaji D.1 atau sebanding tidak kurang dari 6 tahun.*



## **SYARAT-SYARAT LAIN**

1. Boleh bertutur dan menulis dalam Bahasa Melayu dan Bahasa Inggeris.
2. Boleh membuat kertas kerja dengan menggunakan peralatan komputer atau mempunyai pengetahuan asas menggunakan perisian *Microsoft Office*.
3. Mempunyai minat dan pengetahuan dalam bidang seni reka dan seni lukis.
4. Mempunyai pengalaman dalam bidang seni reka dan seni lukis adalah satu kelebihan.
5. Mempunyai kelebihan dalam lukisan teknikal adalah satu kelebihan.
6. Berkebolehan dalam menggunakan *Final Cut Pro, Autocad, 3D Max Studio, Adobe Collection* dan yang berkaitan dengannya adalah satu kelebihan.
7. Mempunyai pengalaman dalam pertukangan kayu dan tangan (*carpentary* dan *joinery*) adalah kelebihan.

## **TUGAS DAN TANGGUNGJAWAB:**

1. Membantu Pereka Tingkat II yang berkenaan dalam sama-sama menjalankan tugasan yang telah dipertanggungjawabkan.
2. Menjalankan penyelidikan asas untuk rekabentuk seperti yang dikehendaki oleh pihak Jabatan.
3. Menyediakan dan melukis *Floor Plan, Isometric Drawing, Elevation Drawing, Construction Drawing, Model Set, Presentation, Details Drawing, Autocad, 3D Dimension, Manual Drawing* atau *Perspective Drawing*.
4. Membuat *final touchup set* dan memastikan mutu kerja kes yang berkualiti.
5. Bekerjasama dengan krew teknikal di studio yang mengendalikan penggunaan *virtual set*.



6. Menghadiri *planning meeting*, *site meeting* dan membuat peninjauan di lokasi-lokasi untuk rancangan yang berkenaan bagi memastikan rekabentuk grafik atau *set* memenuhi keperluan pihak Jabatan yang berkenaan.
7. Menjalankan dan melaksanakan tugas-tugas yang diarahkan oleh Pegawai atasan dari semasa ke semasa.